



Fail: (62) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarikh: 24 Februari 2012

SIARAN MEDIA

336 BAKAL PEMILIK PERUMAHAN RAKYAT SUNGAI PUTAT TERIMA SURAT TAWARAN

Melaka, 24 Februari 2012 - Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak hari ni telah menyerahkan surat tawaran PPR kepada penduduk Sg Putat, Melaka. Penyerahan surat tawaran ini turut disaksikan oleh Y.A.B Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam dan Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Seri Chor Chee Heung.

Projek rumah pangsapuri, enam blok, lima tingkat, dengan keluasan 700 kaki persegi ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah di bawah RM2500 seisi keluarga. Projek ini rumah pangsa ini turut menyediakan empat unit rumah Orang Kurang Upaya (OKU) yang di ubah suai untuk keselesaan golongan ini.

Projek yang dibina oleh Kementerian di atas tapak berkeluasan 10.336 ekar dengan kos pembinaan bernilai RM46.530 juta dijual dengan harga RM35,000 sahaja walaupun harga kos pembinaan seunit adalah bernilai RM138,482.00. Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini adalah inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah.

Dalam memastikan kehidupan yang selesa dan harmoni, PPR ini turut dilengkapi dengan kemudahan asas seperti dewan komuniti serba guna yang boleh memuatkan 300 orang dengan kemudahan dua gelanggang badminton, tadika yang boleh memuatkan seramai 50 kanak-kanak, laman unit kedai, pejabat pengurusan, surau yang boleh memuatkan 250 orang jemaah dan taman permainan kanak-kanak.

Taklimat berkaitan projek perumahan ini telah disampaikan oleh Yg. Bhg. Datuk Seri Ahmad Bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh

:

Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel: 03-8891 5555 Faks 03-8891 5557 E-mail pro@kpkt.gov.my